

17/06/2003

'Kita mampu tangani ancaman selagi Umno berkuasa'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia dapat menangani segala ancaman dan unsur tidak sihat yang boleh menghalang pencapaian matlamat Wawasan 2020, selagi Umno terus berkuasa.

Perdana Menteri berkata, ini kerana Umno, sebagai tonggak pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN), tidak ekstrem dan sentiasa meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan parti atau orang Melayu dan individu.

"Kita melihat kepentingan negara sebagai gambaran yang meliputi semua, termasuk kepentingan keamanan dan hubungan baik antara kaum," katanya dalam program 'Malaysia 2020' terbitan 59 Productions, yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), malam tadi.

Wawancara itu dikendalikan oleh Penasihat Rancangan Malaysia 2020, Datuk

Ahmad A Talib, yang juga Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST).

Dr Mahathir bagaimanapun mengingatkan matlamat Wawasan 2020 mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya jika unsur tidak sihat seperti video lucah,

penderaan kanak-kanak dan pengabaian tanggungjawab kepada keluarga terus berleluasa dalam masyarakat.

"Ya, ia akan menjejaskan matlamat Wawasan 2020 dan mungkin juga tidak tercapai. Ini semua bergantung kepada didikan dan latihan di rumah serta di sekolah.

"Penyemaian yang menjadi benteng melawan keburukan dan kejahatan tidak diasaskan dalam hati masyarakat. Kita tidak hisap dadah kerana kita tahu ia tidak baik. Ini bukan kerana undang-undang, tetapi sesetengah anak-anak

kita tidak disemaikan dengan nilai mulia, maka mereka mudah terpengaruh dengan perkara tidak baik," katanya.

Untuk mencapai kejayaan dalam hidup, tegas Perdana Menteri, golongan muda khususnya perlu menentukan matlamat dan mendisiplinkan diri serta tekun berusaha.

"Insya-Allah, kalau kita buat berulang kali, akhirnya kita akan menguasai kecekapan itu dan seterusnya mencapai matlamat kita," katanya.

Mengulas hala tuju yang wajar menjadi acuan dalam laluan mencapai status

negara maju, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus berpegang teguh kepada aspek lain seperti agama, budaya dan nilai mulia.

"Kita dapati negara maju sekarang menumpukan semata-mata kepada materialisma, iaitu kekayaan, tanpa mengambil kira sifat lain. Mereka menolak agama dan hidup untuk memuaskan nafsu tanpa mempedulikan tekanan terhadap orang lain.

"Kita tak nak jadi kaya sehingga kita lupa kepada budaya kita, kepada nilai mulia yang perlu diamalkan dan pegangan terhadap agama kita," katanya.

Beliau menegaskan, Jepun dan Korea menjadi contoh kerajaan ketika merangka Wawasan 2020 kerana kedua-dua negara itu membuktikan bahawa bukan

orang Barat saja boleh mencapai kejayaan.

"Orang yang miskin tidak bermakna tidak ada kemampuan sama sekali. Kalau mereka amalkan nilai-nilai mulia, Insya-Allah, mereka akan berjaya dan kita perhatikan Jepun mempunyai disiplin yang cukup kuat.

"Negara Barat menjadi sebahagian daripada contoh, tetapi mereka lupa bagaimana mereka mencapai kemajuan kerana kemajuan mereka terlalu cepat. Mereka juga tidak tahu bagaimana susahnyanya memajukan sesebuah negara.

"Sebaliknya, kita lihat Jepun yang dihancurkan dalam perang dapat memulihkan negara mereka," katanya.

Ditanya sama ada sikap orang Malaysia yang memilih kerja boleh menjejaskan Wawasan 2020, Perdana Menteri berkata sikap itu boleh menyebabkan negara kehilangan separuh daripada kemerdekaannya kerana terlalu bergantung kepada pihak lain.

Justeru, katanya, segala kerja sama ada berat atau ringan, perlu dilakukan sendiri untuk membolehkan rakyat negara ini menguasai kecekapan

di semua peringkat termasuk dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Menyentuh aspek kestabilan politik dan kesinambungan pucuk pimpinan, Dr

Mahathir berkata semua pihak perlu bersedia untuk bekerja kuat dan tidak seharusnya berebut semata-mata untuk mengutamakan kepentingan hingga membelakangkan kepentingan negara.

Mengenai faktor yang mendorong pemimpin pelapis menceburi politik, beliau berkata ia mungkin ganjaran dari segi kedudukan dan kuasa, selain yakin tidak wujud ancaman dalam kemerdekaan yang dinikmati sekarang. Ditanya mengenai rancangannya selepas bersara daripada politik selepas Oktober ini, Dr Mahathir berkata beliau akan terus memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara.

"Saya menjadi Perdana Menteri berdasarkan sokongan orang ramai dan kini saya bertanggungjawab membalas sokongan itu dengan memberikan sumbangan kepada pembangunan negara," katanya.